

IL Infinite Care + IL Infinite Care Plus

# Perlindungan Menyeluruh Untuk Masa Hadapan.

eTiqa  
Insurans Hayat



PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN  
UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU.  
Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi  
Etiqa Life Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)). | Ahli PIDM

Memperkenalkan pelan IL Infinite Care dan IL Infinite Care Plus, produk penyakit kritis yang unik dengan perlindungan yang tiada tandingannya. Ianya melindungi 10 sistem badan utama, kecacatan organ dan pembedahan tanpa had untuk penyakit kritis. Anda dilindungi untuk peringkat awal, pertengahan dan pembedahan serius, termasuk penyakit yang diketahui dan tidak diketahui. Pelan ini menawarkan perlindungan penyakit kritis agar anda terjamin dari segi kewangan pada masa hadapan.

Dengan IL Infinite Care Plus, anda boleh menikmati jaminan kewangan yang lebih stabil dengan bayaran sehingga 300% daripada jumlah yang diinsuranskan untuk manfaat tambahan ini.

## Manfaat Utama

Bandingkan persamaan dan perbezaan antara IL Infinite Care dan IL Infinite Care Plus.

Persamaan	IL Infinite Care	IL Infinite Care Plus
 <b>Perlindungan untuk Penyakit Diketahui dan Tidak Diketahui</b>	Lindungi diri anda daripada sebarang risiko kesihatan yang mungkin timbul. Ianya termasuk perlindungan untuk penyakit yang diketahui dan tidak diketahui untuk 10 sistem dan organ utama badan.	<p><b>Senarai Sistem Badan dan Organ Yang Dilindungi</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>Kegagalan Sumsum Tulang</li><li>Sistem Kardiovaskular</li><li>Sistem Pernafasan</li><li>Sistem Saraf</li><li>Sistem Renal dan Fungsi Buah Pinggang</li><li>Sistem Hepatik dan Fungsi Hati</li><li>Sistem Penghadaman</li><li>Sistem Deria</li><li>Kurang Upaya</li><li>Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV)</li></ul>

Perbezaan	IL Infinite Care	IL Infinite Care Plus
 <b>Had Perlindungan Tinggi</b>	<p>Dapatkan bayaran tunai sehingga RM300,000 (bersamaan dengan jumlah maksimum yang diinsuranskan) sebagai bantuan kewangan jika didiagnosis menghadapi kecacatan/pembedahan untuk 10 sistem dan organ utama badan.</p>	<p>Dapatkan bayaran tunai sehingga RM900,000 (bersamaan dengan 3 kali jumlah maksimum yang diinsuranskan) sebagai bantuan kewangan jika didiagnosis menghadapi kecacatan/pembedahan untuk 10 sistem dan organ utama badan.</p>
 <b>Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari</b>	<p>Bayaran tunai sebanyak 15% daripada jumlah rider yang diinsuranskan atau maksimum RM30,000 dibayar untuk angioplasti dan rawatan invasif lain untuk Penyakit Arteri Koronari.</p> <p><i>Nota: Tuntutan untuk manfaat ini akan mengurangkan jumlah rider yang diinsuranskan dan tuntutan hanya boleh dibuat sekali sahaja.</i></p>	<p>Bayaran tunai sebanyak 15% daripada jumlah rider yang diinsuranskan atau maksimum RM30,000 dibayar untuk angioplasti dan rawatan invasif lain untuk Penyakit Arteri Koronari.</p> <p><i>Nota: Tuntutan untuk manfaat ini TIDAK akan mengurangkan jumlah rider yang diinsuranskan dan tuntutan hanya boleh dibuat sekali sahaja.</i></p>
 <b>Penyakit Mental Teruk</b>	<p>Tidak Berkenaan</p>	<p>Bayaran tunai sebanyak 15% daripada jumlah rider yang diinsuranskan atau maksimum RM30,000 dibayar jika anda didiagnosis menghadapi mana-mana penyakit seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Gangguan Afektif Bipolar;</li> <li>b. Kecelaruan Episod Kemurungan Major;</li> <li>c. Skizofrenia;</li> <li>d. Kecelaruan Skizoafektif; atau</li> <li>e. Gangguan Obsesif-Kompulsif (OCD)</li> </ul>
 <b>Manfaat Kemasukan ke Hospital</b>	<p>Tidak Berkenaan</p>	<p>Bayaran tunai sebanyak 15% daripada jumlah rider yang diinsuranskan atau maksimum RM30,000 dibayar:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Jika anda dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk 5 hari berturut-turut; atau</li> <li>b. Dimasukkan ke hospital selama sekurang-kurangnya 14 hari berturut-turut (untuk pembedahan atau akibat jangkitan).</li> </ul> <p><i>Nota: Setiap peristiwa di bawah Manfaat Kemasukan ke Hospital hanya boleh dituntut sekali sahaja. Terdapat tempoh menunggu 1 tahun untuk tuntutan antara peristiwa (a) dan (b).</i></p>

Perbezaan	IL Infinite Care	IL Infinite Care Plus
 <b>Komplikasi Diabetes</b>	Tidak Berkenaan	<p>Bayaran tunai sebanyak 15% daripada jumlah rider yang diinsuranskan atau maksimum RM30,000 dibayar jika anda didiagnosis menghidapi mana-mana penyakit seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pembedahan untuk Retinopati Diabetes Jenis Kedua;</li> <li>b. Amputasi Anggota akibat Komplikasi Diabetes Jenis Kedua; atau</li> <li>c. Nefropati Diabetes Teruk mengakibatkan Kegagalan Buah Pinggang</li> </ul>

**Nota:**

1. Manfaat di bawah Penyakit Mental Teruk, Kemasukan ke Hospital dan Komplikasi Diabetes tidak akan mengurangkan jumlah rider yang diinsuranskan.
2. Manfaat di bawah Penyakit Mental Teruk dan Komplikasi Diabetes hanya boleh dituntut sekali sahaja.
3. Manfaat utama di atas adalah tertakluk kepada terma dan syarat.

**Tingkatkan Perlindungan Anda**

Hubungi Ejen Perunding kami untuk mendapatkan perlindungan yang sesuai.

## Kelayakan

Pelan ini tersedia untuk anda atau pasangan anda yang berumur antara 17 hingga 70 tahun, dan kanak-kanak berumur antara 14 hari hingga 16 tahun.

## Senario untuk SecurePro + IL Infinite Care Plus + IL Cancer Care<sup>4</sup>:

Jumlah yang Diinsuranskan untuk SecurePro	RM100,000
Jumlah yang Diinsuranskan untuk IL Infinite Care Plus	RM100,000
Jumlah yang Diinsuranskan untuk IL Cancer Care	RM100,000



Pada umur 25 tahun, Grace mendaftar untuk pelan SecurePro dengan IL Infinite Care Plus dan IL Cancer Care.



Pada umur 35 tahun, beliau telah disahkan menghidap kanser payudara peringkat awal (Karsinoma-in- Situ).



Grace menerima bayaran tunai sebanyak RM30,000 (30% daripada jumlah yang diinsuranskan di bawah Manfaat Kanser Peringkat Awal).



Pada umur 36 tahun, Grace disahkan menghidap Kanser Payudara. Beliau menerima bayaran tunai sebanyak RM200,000 (200% daripada jumlah yang diinsuranskan di bawah Manfaat Kanser Peringkat Akhir – Kumpulan Kanser Khusus Jantina). Pelan IL Cancer Care ditamatkan.



Selepas 12 bulan, manfaat Kanser Awal<sup>1</sup> ditetapkan semula kepada RM100,000 jumlah asal yang diinsuranskan.



Ketika ini, Grace terlibat dalam kemalangan. Beliau cedera parah dan perlu menjalani pembedahan untuk membuang salah satu daripada buah pinggangnya. Beliau menerima bayaran tunai sebanyak RM50,000 (50% daripada jumlah yang diinsuranskan di bawah Manfaat Kecacatan/Pembedahan Awal atau Sederhana untuk Sistem Buah Pinggang dan Fungsi Buah Pinggang).



Pada umur 45 tahun, Grace menjalani Cardiac Pacemaker Insertion. Beliau menerima bayaran tunai sebanyak RM50,000 (50% daripada jumlah yang diinsuranskan di bawah Manfaat Kecacatan/Pembedahan peringkat awal atau pertengahan untuk Sistem Kardiovaskular).



Pada umur 48 tahun, Grace mengalami serangan jantung. Beliau menerima bayaran tunai sebanyak RM50,000 (baki 50% daripada jumlah yang diinsuranskan di bawah Manfaat Kecacatan/Pembedahan peringkat awal atau pertengahan untuk Sistem Kardiovaskular).



Pada umur 60 tahun, Grace didiagnosis menghadapi kegagalan buah pinggang. Beliau menerima bayaran tunai sebanyak RM50,000 (baki 50% daripada jumlah yang diinsuranskan di bawah Manfaat Kecacatan/Pembedahan peringkat Serius untuk Sistem Ginjal dan Fungsi Buah Pinggang). Pelan IL Infinite Care Plus ditamatkan.



Pada umur 55 tahun, Grace disahkan menghidap tumor otak dan perlu menjalani pembedahan. Beliau menerima bayaran tunai RM100,000 (di bawah Manfaat Kecacatan/Pembedahan peringkat serius untuk Sistem Neurologi).



Setahun kemudian, pada usia 61 tahun, Grace meninggal dunia akibat kegagalan pelbagai organ. Dengan SecurePro, bayaran RM100,000 dibayar kepada ibu bapanya kerana beliau membuat penamaan polisi untuk menjadikan ibu bapanya sebagai benefisiari.

**Nota:** Senario di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

## Pengiraan pembayaran Grace:

Rumusan Bayaran SecurePro dan IL Cancer Care (Rider) + IL Infinite Care Plus (Rider):

### Rumusan Bayaran IL Cancer Care (Rider Tambahan)

Karsinoma-in-Situ	RM30,000
Kanser Payudara	RM200,000

### Rumusan Bayaran IL Infinite Care Plus (Rider Tambahan)

Pembedahan peringkat awal atau pertengahan Kerosakan Sistem Buah Pinggang	RM50,000
Cardiac Pacemaker Insertion	RM50,000
Serangan Jantung	RM50,000
Kemasukan ke hospital akibat serangan jantung	RM15,000
Tumor Otak	RM100,000
Kemasukan ke ICU hospital akibat pembedahan otak	RM15,000
Kerosakan Sistem Buah Pinggang	RM50,000

### Rumusan Bayaran SecurePro (Pelan Asas)

Manfaat Kematian	RM100,000
Jumlah Bayaran	RM660,000

#### Nota:

1. IL Cancer Care akan ditetapkan semula kepada 100% daripada jumlah yang diinsuranskan sekiranya tiada tuntutan dibuat dalam tempoh 12 bulan dari tarikh didiagnosis Kanser Peringkat Awal.
2. IL Infinite Care, IL Infinite Care Plus dan IL Cancer Care ialah rider potongan unit yang boleh dilampirkan bersama pelan SecurePro, sebuah pelan asas insurans berkaitan pelaburan dengan premium berkala.
3. Sila rujuk helaian pendedahan produk dan polisi untuk maklumat lanjut mengenai manfaat, pengecualian, terma dan syarat produk.
4. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk risalah SecurePro.

Ini merupakan produk insurans yang berkait dengan prestasi asset-asset dasarnya dan bukanlah produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.

Etiqa Oneline 1300 13 8888  
[www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my)



**Etiqa Life Insurance Berhad** (201701025113)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan  
2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)  
Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia.

T +603 2297 3888

F +603 2297 3800

E [info@etiqua.com.my](mailto:info@etiqua.com.my)

Hubungi kami di

Etiqa myetiqua